BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Jil. 36 Bil.1

Buletin Suku Tahunan BNM

Suku Pertama 2021

S1

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.

Kandungan

MS 5 Sorotan Penting

MS 7 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

MS 11 Perkembangan Ekonomi Malaysia

MS 27 Perkembangan Monetari dan Kewangan

MS 33 Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

MS 37 Tinjauan Makroekonomi

MS 41 Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.

Sorotan Penting: S1 2021

Kegiatan ekonomi dalam negeri pulih secara beransur-ansur

Penunjuk Ekonomi Utama



* Indeks Pengurus Pembelian (Purchasing Managers' Index, PMI)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, IHS Markit dan Tenaga Nasional Berhad

Penguncupan KDNK lebih kecil, sementara inflasi keseluruhan menjadi positif pada S1 2021

Pertumbuhan disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang bertambah baik dan prestasi eksport yang kukuh



Pertumbuhan KDNK benar (suku tahunan, terlaras secara bermusim)

Pertumbuhan KDNK benar (tahun ke tahun)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi yang positif disebabkan oleh kesan asas daripada harga bahan api dan luputnya kesan daripada rebat tarif elektrik



Inflasi keseluruhan

Inflasi teras*

* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Halaman sengaja dikosongkan.

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan

- Ekonomi global terus pulih pada suku pertama tahun 2021.
- Eksport serantau mengalami peningkatan yang kukuh.
- Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi.

Pertumbuhan global terus meningkat

Ekonomi global terus pulih pada suku pertama tahun 2021. Aktiviti perkilangan dan perdagangan global semakin meningkat. Walau bagaimanapun, peningkatan aktiviti perkhidmatan dalam negeri kekal tidak sekata. Hal ini disebabkan oleh beberapa negara telah mengetatkan langkah-langkah pembendungan akibat penularan semula kes COVID-19, manakala sesetengah negara lain pula telah melonggarkan sekatan mereka.

R1 Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Ekonomi AS kembali pulih dan berkembang sebanyak 0.4% pada suku pertama tahun 2021 (S4 2020: -2.4%). Pertumbuhan disokong oleh pelonggaran langkah-langkah pembendungan dan keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik berikutan pelaksanaan langkah sokongan fiskal tambahan.

Pertumbuhan di kawasan euro mencatatkan penurunan yang lebih perlahan sebanyak 1.8% (S4 2020: -4.9%). Hal ini disokong oleh pemulihan aktiviti perkilangan dan perdagangan, manakala aktiviti perkhidmatan kekal lemah akibat langkah pembendungan yang berpanjangan. Keadaan pasaran pekerja kekal di bawah paras sebelum pandemik, lantas menjejaskan penggunaan swasta.

RR China mencatatkan pertumbuhan KDNK yang kukuh sebanyak 18.3% (S4 2020: 6.5%), disokong oleh peningkatan kegiatan ekonomi secara menyeluruh. Walaupun terdapat penularan COVID-19 yang tertumpu di kawasan tertentu pada suku pertama, wabak di China masih dapat dibendung dan menyebabkan pemulihan ekonomi sebahagian besarnya tidak terjejas.

Peningkatan eksport serantau kukuh

Eksport di rantau ini mengalami peningkatan yang kukuh pada suku pertama. Kebanyakan ekonomi serantau, kecuali Filipina dan Thailand, mencatatkan pertumbuhan dua angka bagi eksport mereka. Keadaan ini dipacu oleh permintaan yang kukuh, terutamanya bagi produk elektrik dan elektronik (E&E).

R2 Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

R3 **VIX CBOE**



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi

Volatiliti pasaran kewangan kekal tinggi disebabkan oleh situasi pandemik yang terus mewujudkan ketidakpastian berhubung dengan kekukuhan pemulihan ekonomi. Meskipun demikian, volatiliti mereda sedikit pada suku pertama (purata: 23.2; S4 2020: 25.6, Jan-Feb 2020: 15.0), berikutan suasana optimis susulan pemberian vaksin COVID-19 dan pakej rangsangan baharu di AS. Jangkaan pemulihan yang lebih pantas dalam kalangan ekonomi utama, terutamanya AS mendorong kepada peningkatan kadar hasil bon kerajaan di AS dan ekonomi utama lain. Keseluruhannya, sentimen pelabur terjejas akibat penularan kes yang berterusan pada peringkat global dan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat di beberapa ekonomi utama.

Harga minyak mentah Brent terus meningkat kepada purata USD61 setong pada suku pertama (purata S4 2020: USD45 setong). Hal ini didorong oleh sentimen positif berhubung dengan pelaksanaan pemberian vaksin COVID-19 dan pemulihan permintaan minyak dunia secara beransur-ansur apabila langkah-langkah sekatan pergerakan dilonggarkan secara berperingkat. Harga minyak turut disokong oleh keadaan bekalan minyak dunia yang lebih ketat. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan sebanyak satu juta tong sehari secara unilateral oleh Arab Saudi selain pengurangan pengeluaran oleh OPEC+ yang berterusan sejak 1 Mei 2020 serta gangguan di loji pengeluaran AS akibat cuaca buruk.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sorotan

- Prestasi ekonomi lebih baik dengan penurunan KDNK yang lebih kecil sebanyak 0.5%.
- Inflasi keseluruhan menjadi positif pada suku pertama mencerminkan terutamanya kesan asas daripada harga bahan api dan luputnya kesan rebat tarif elektrik.
- Lebihan akaun semasa lebih rendah sebanyak RM12.3 bilion atau 3.3% daripada KDNK.

Penurunan KDNK lebih kecil pada suku pertama tahun 2021

Ekonomi Malaysia mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 0.5% pada suku pertama (S4 2020: -3.4%). Prestasi pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lebih baik dan prestasi eksport yang kukuh, terutamanya bagi produk E&E. Pertumbuhan juga disokong oleh langkah-langkah dasar yang berterusan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Kedua (PKP 2.0) serta penutupan sempadan antarabangsa dan sekatan perjalanan antara negeri yang berterusan telah menjejaskan kegiatan ekonomi. Namun begitu, apabila sekatan dilonggarkan pada bulan Februari dan Mac, kegiatan ekonomi mula meningkat secara beransur-ansur. Semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan, terutamanya sektor perkilangan. Dari segi perbelanjaan, pertumbuhan didorong oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih baik dan pertumbuhan aktiviti perdagangan yang kukuh. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.7% (S4 2020: -1.5%).

R4 **Pertumbuhan KDNK Benar**

Perubahan dalam tempoh (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R5 Pertumbuhan Mengikut Sektor Ekonomi

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R6 Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan, didahului oleh sektor perkilangan

Dari segi prestasi sektor, semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan. Sektor perkilangan berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 6.6% (S4 2020: 3.0%), dipacu oleh pengeluaran produk E&E yang teguh dan pemulihan yang berterusan dalam kelompok berkaitan pengguna, sumber dan pembinaan. Prestasi yang kukuh dalam subsektor E&E mencerminkan permintaan global yang lebih tinggi untuk komponen separa konduktor, seperti yang dicerminkan oleh peningkatan dalam *World Semiconductor Trade Statistics*. Meskipun PKP 2.0 dilaksanakan, perkilangan berkaitan pengguna dan sumber turut mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi apabila kebanyakan sektor perkilangan dibenarkan beroperasi dengan mematuhi *standard operating procedures* (SOP) yang ketat. Kebimbangan pada peringkat global mengenai kekurangan cip elektronik dalam sektor automotif hanya memberikan kesan yang terhad terhadap pengeluaran kereta penumpang dalam negeri disebabkan oleh intensiti cip yang lebih rendah bagi kebanyakan kenderaan pasaran umum. Selain itu, pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax,* SST) bagi pembelian kenderaan bermotor yang dilanjutkan sehingga bulan Jun 2021 turut membantu pengeluaran kenderaan motor di Malaysia.

Sektor perkhidmatan mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 2.3% pada suku pertama tahun 2021 (S4 2020: -4.8%). Ini disebabkan oleh aktiviti berkaitan pengguna yang meningkat, disokong oleh pelonggaran langkah-langkah pembendungan seperti kebenaran untuk makan di premis penjualan makanan *(dine-in)* dan perjalanan antara daerah mulai pertengahan bulan Februari 2021. Namun demikian, kelemahan dalam aktiviti pelancongan terus menjejaskan subsektor utama seperti penginapan serta perjalanan udara di bawah subsektor pengangkutan dan penyimpanan. Sementara itu, pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans bertambah baik disebabkan oleh pendapatan fi yang lebih tinggi, pinjaman yang stabil dan pertumbuhan deposit serta premium insurans bersih yang lebih tinggi. Subsektor maklumat dan komunikasi terus mendapat manfaat daripada permintaan untuk perkhidmatan komunikasi data berikutan penggunaan pengaturan bekerja dan belajar dari jarak jauh.

Sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 0.4% (S4 2020: -1.0%), dipacu terutamanya oleh perkembangan dalam subsektor ternakan, pertanian lain, perhutanan dan pembalakan. Pertumbuhan dalam subsektor minyak sawit terus menurun apabila pengeluaran terjejas akibat banjir pada awal suku pertama, manakala kekurangan pekerja terus menjejaskan aktiviti penuaian.

Sektor perlombongan menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.0% (S4 2020: -10.4%). Meskipun terdapat penutupan beberapa loji untuk kerja penyelenggaraan pada suku pertama, pengeluaran minyak mentah dan gas asli meningkat berikutan pemulihan permintaan luaran secara beransur-ansur dan permulaan operasi loji *PETRONAS Floating Liquefied Natural Gas Dua* (PFLNG2) di luar pesisir Sabah dan Sarawak.

Sektor pembinaan menguncup pada kadar yang lebih kecil sebanyak 10.4% (S4 2020: -13.9%). Aktiviti disokong oleh peningkatan kerja-kerja pembinaan projek komersial yang hampir siap dan pelaksanaan projek berskala kecil yang berterusan. Aktiviti ini menghasilkan pertumbuhan yang positif dalam subsektor pertukangan khas. Walau bagaimanapun, aktiviti dalam subsektor kediaman, bukan kediaman dan kejuruteraan awam kekal lemah akibat kekurangan tenaga pekerja dan penutupan tapak yang disebabkan oleh penularan COVID-19. Pelaksanaan PKP 2.0 juga menjejaskan pertumbuhan apabila aktiviti dihentikan[1] di tapak pembinaan yang tidak memenuhi syarat operasi.

[1] Aktiviti yang dibenarkan beroperasi semasa pelaksanaan PKP 2.0 termasuk kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang penting, projek infrastruktur awam, dan projek yang menyediakan penginapan untuk pekerja di tapak atau Kuarters Pekerja Berpusat (*Centralized Labour Quarters,* CLQ).

R7 Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penurunan permintaan dalam negeri lebih kecil

Permintaan dalam negeri mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 1.0% (S4 2020: -4.5%) pada suku pertama tahun 2021, yang terjejas akibat penguncupan perbelanjaan sektor swasta berikutan pelaksanaan PKP 2.0. Walau bagaimanapun, kesan PKP 2.0 adalah lebih kecil memandangkan kebanyakan sektor ekonomi dibenarkan beroperasi dan sokongan dasar yang berterusan untuk isi rumah dan perniagaan. Dalam sektor luaran, permintaan luaran yang kukuh terutamanya untuk produk E&E, menyumbang kepada pengembangan yang berterusan dalam eksport bersih.

Penggunaan swasta menguncup sebanyak 1.5% pada suku pertama (S4 2020: -3.5%). Walaupun perbelanjaan isi rumah terjejas akibat pelaksanaan PKP 2.0, kesannya lebih kecil berbanding dengan PKP pada tahun lepas berikutan langkah-langkah pembendungan yang secara relatif kurang ketat. Meskipun pertumbuhan upah dan guna tenaga terus menguncup, pertumbuhan secara keseluruhan bertambah baik. Hal ini kerana kebanyakan perniagaan terus beroperasi dan memberikan sokongan kepada perbelanjaan isi rumah. Perbelanjaan melalui platform dalam talian juga terus meningkat lantas mengurangkan kesan penyusutan perbelanjaan di premis, seperti yang dicerminkan dalam peningkatan indeks jualan runcit dalam talian (S1 2021: 22.8%; S4 2020: 30.4%). Selain itu, perbelanjaan pengguna terus disokong oleh pelbagai langkah rangsangan termasuk pengeluaran i-Sinar KWSP, subsidi upah serta Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar (*Targeted Repayment Assistance,* TRA).

Penggunaan awam meningkat kepada 5.9% (S4 2020: 2.4%), berikutan peningkatan semula perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan terutamanya oleh Kerajaan Persekutuan. Pertumbuhan juga disokong oleh pengembangan emolumen yang lebih pantas.

R8 Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penguncupan aktiviti pelaburan lebih kecil

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 3.3% (S4 2020: -11.8%), disokong terutamanya oleh pemulihan perbelanjaan modal daripada sektor swasta. Dari segi jenis aset, pelaburan untuk jentera dan kelengkapan (*machinery & equipment,* M&E) berkembang sebanyak 10.3% (S4 2020: -9.0%) sementara pelaburan untuk struktur mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 10.4% (S4 2020: -13.2%) .

Pelaburan swasta mencatatkan pertumbuhan positifnya yang pertama sejak suku keempat tahun 2019 (S1 2021: 1.3%; S4 2020: -6.6%). Hal ini disokong terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan modal daripada projek pelaburan baharu dan yang sedang dilaksanakan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan.

Pelaburan awam mencatatkan penguncupan sebanyak 18.6% (S4 2020: -20.4%). Meskipun perbelanjaan aset tetap Kerajaan Persekutuan meningkat, pelaburan oleh syarikat awam menguncup pada kadar yang lebih besar terutamanya dalam subsektor minyak dan gas serta telekomunikasi.

R9 Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan, mp)



* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan menjadi positif pada suku pertama

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi positif kepada 0.5% pada suku pertama (S4 2020: -1.5%). Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi bahan api yang positif meskipun rendah, serta luputnya kesan daripada rebat tarif elektrik bertingkat[2]. Inflasi bahan api yang positif didorong oleh kesan asas daripada harga bahan api runcit dalam negeri yang rendah pada tahun lepas. Keadaan ini diimbangi sebahagiannya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori lain, terutamanya kategori sewa dan barang kemas.

Inflasi sewa kekal rendah dalam keadaan permintaan yang kurang memberangsangkan untuk harta tanah sewa, di samping jumlah bakal penyewa yang berkurang dalam keadaan sekatan pergerakan dalam negeri dan penutupan sempadan antarabangsa yang berterusan. Sementara itu, inflasi yang lebih rendah untuk barang kemas mencerminkan harga emas yang menurun pada suku pertama. Berikutan inflasi yang lebih rendah untuk sewa dan barang kemas, inflasi teras menjadi sederhana kepada 0.7% pada suku pertama (S4 2020: 0.8%).

[2] Rebat tarif elektrik bertingkat dilaksanakan di bawah skim Bantuan Prihatin Elektrik daripada bulan April hingga Disember 2020, dengan rebat daripada 2% hingga 50% bergantung pada penggunaan elektrik bulanan.

Dari segi trajektori bulanan, inflasi keseluruhan adalah -0.2% pada bulan Januari 2021 dan 0.1% pada bulan Februari 2021 apabila harga bahan api kekal pada tahap yang lebih rendah daripada tempoh yang sama pada tahun lepas. Menjelang bulan Mac, inflasi keseluruhan adalah lebih tinggi pada 1.7% apabila inflasi bahan api meningkat, mencerminkan kesan asas daripada harga bahan api runcit dalam negeri yang rendah pada bulan Mac 2020.

Meskipun inflasi keseluruhan adalah positif, tekanan terhadap harga adalah terkawal pada suku pertama apabila bahagian bagi barangan IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan kekal lebih rendah daripada purata (purata S1 2021: 40%; purata 2010-2019: 45%).

R10 Perubahan Bulan ke Bulan dalam Harga Barangan IHP*

Peratusan barangan IHP (%)



* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

R11 Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah

Perubahan tahun ke tahun (%)



Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kepada kadar pertumbuhan gaji pekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R12 Tuntutan Hilang Pekerjaan dan Kadar Penempatan Pekerjaan



Nota: Tuntutan hilang pekerjaan merujuk kepada bilangan penganggur yang memohon elaun dan faedah yang disediakan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kadar penempatan pekerjaan merujuk kepada bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang hilang perkerjaan.

Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial

Keadaan pasaran pekerja pulih secara beransur-ansur

Keadaan pasaran pekerja menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan selaras dengan peningkatan kegiatan ekonomi, meskipun terdapat kelemahan sementara akibat pelaksanaan PKP 2.0. Kadar pengangguran kekal pada 4.8% (S4 2020: 4.8%). Keadaan ini mencerminkan penguncupan yang sedikit dalam pertumbuhan guna tenaga (-0.05%; S4 2020: -0.6%) serta pengembangan yang lebih besar dalam guna tenaga (1.4%; S4 2020: 1.0%). Berbanding dengan suku keempat tahun 2020, data daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menunjukkan bahawa tuntutan pengangguran daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) adalah lebih rendah (20,418 orang; S4 2020: 23,307 orang), dalam keadaan kadar penempatan pekerja dalam pekerjaan baharu yang lebih rendah (33 orang bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja; S4 2020: 43)[3]. Hal ini mencerminkan kadar pemberhentian kerja yang lebih rendah, dan peningkatan dalam aktiviti pengambilan pekerja pada bulan Februari dan Mac (bulan Februari 2021: 33 penempatan pekerjaan bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja; Mac 2021: 37), selepas penunjuk yang berkaitan mencatatkan penurunan yang sedikit antara bulan Oktober 2020 hingga Januari 2021 (bulan Oktober 2020: 55; November 2020: 37; Disember 2020: 40; Januari 2021: 30) berikutan pelaksanaan semula sekatan pergerakan. Yang ketara, kesan daripada PKP 2.0 adalah lebih sederhana berbanding dengan PKP pertama dan PKPB pada suku kedua tahun 2020, dan trajektori pemulihan terus tidak terjejas.

Sementara itu, upah sektor swasta mencatatkan penurunan yang lebih kecil pada suku pertama (-2.2%; S4 2020: -3.4%), disebabkan oleh peningkatan yang sederhana dalam upah sektor perkhidmatan dan upah perkilangan. Dalam sektor perkhidmatan, upah menurun pada kadar yang lebih sederhana (-3.1%; S4 2020: -4.6%), didorong oleh penguncupan yang lebih kecil dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan, makanan dan minuman, dan perkhidmatan profesional. Dalam sektor perkilangan, pertumbuhan upah menurun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.6% (S4 2020: -1.3%), didorong oleh subsektor berorientasikan eksport yang bertambah baik. Kadar pemulihan upah yang lebih perlahan ini mencerminkan sikap berhati-hati dalam kalangan majikan untuk menambah pekerja. Hal ini disebabkan oleh ketidakpastian berhubung dengan trajektori pemulihan.

[3] Kehilangan pekerjaan diwakili oleh jumlah individu yang memohon manfaat SIP akibat diberhentikan kerja. Kadar penempatan pekerjaan pula merujuk jumlah individu yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu di bawah program SIP bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja. Oleh itu, kadar penempatan pekerjaan menunjukkan kadar pengambilan pekerja yang relatif dengan aktiviti pemberhentian pekerja.

R13 Eksport Mengikut Keluaran dan Pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti perdagangan meningkat berikutan permintaan luaran dan aktiviti perkilangan dalam negeri yang lebih tinggi

Eksport kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 18.2% (S4 2020: 5.1%), dipacu oleh eksport perkilangan yang teguh. Import kasar kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 10.8% (S4 2020: -4.5%), disebabkan oleh peningkatan semua kategori import secara menyeluruh. Lebihan perdagangan[4] berjumlah RM58.6 bilion (S4 2020: RM59.9 bilion).

Eksport perkilangan meningkat sebanyak 21.9% (S4 2020: 7.6%), disokong terutamanya oleh eksport E&E (26.9%, S4 2020: 13.8%). Peningkatan ini disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap separa konduktor bagi peralatan kerja dari rumah dan peralatan perubatan. Eksport komoditi mencatatkan penguncupan yang lebih kecil (-5.4%, S4 2020: -7.8%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga LNG.

Import modal meningkat semula pada suku pertama (32.7%; S4 2020: -15.0%), disokong terutamanya oleh import peralatan komunikasi dan jentera untuk perkilangan yang lebih tinggi. Import barangan pengantara kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.6% (S4 2020: -7.2%). Peningkatan ini disebabkan oleh import bekalan industri yang lebih tinggi, sejajar dengan pengembangan yang berterusan dalam aktiviti perkilangan dalam negeri.

[4] Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan hak milik) adalah dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 *(6th Edition of the Balance of Payments and International Investment Position Manual, BPM6)* oleh IMF.

R14 Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa lebih rendah

Akaun semasa dalam imbangan pembayaran mencatatkan lebihan sebanyak RM12.3 bilion atau 3.3% daripada KDNK pada suku pertama (S4 2020: RM18.6 bilion atau 4.9% daripada KDNK). Lebihan yang lebih rendah ini adalah disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih kecil serta defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan sekunder yang lebih tinggi.

Lebihan barangan mengecil kepada RM36.6 bilion (S4 2020: RM42.6 bilion) apabila peningkatan dalam import mengatasi eksport, sejajar dengan pemulihan permintaan dalam negeri dan aktiviti perdagangan. Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit yang lebih tinggi (-RM15.0 bilion; S4 2020: -RM14.0 bilion) disebabkan oleh import perkhidmatan pengangkutan dan pembinaan yang lebih tinggi.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih kecil sebanyak RM5.7 bilion (S4 2020: -RM7.2 bilion). Defisit ini mencerminkan terutamanya pendapatan pelaburan yang lebih tinggi terakru kepada pelabur Malaysia daripada pelaburan luar negeri.

Akaun pendapatan sekunder mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM3.6 bilion (S4 2020: -RM2.7 bilion) mencerminkan pengiriman wang keluar yang lebih tinggi oleh pekerja asing.

R15 Pelaburan Langsung Mengikut Sektor

RM bilion



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih.
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

R16 Pelaburan Portfolio

RM bilion



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang disokong oleh aliran masuk bagi semua akaun utama

Akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM16.0 bilion (S4 2020: -RM10.2 bilion), mencerminkan aliran masuk bagi semua akaun utama. Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang berterusan sebanyak RM1.4 bilion (S4 2020: +RM1.6 bilion), disokong oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi dalam pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) sebanyak RM9.1 bilion (S4 2020: +RM6.8 bilion). Aliran masuk ini didorong oleh pelaburan semula perolehan yang lebih besar (+RM4.1 bilion; S4 2020: -RM1.9 bilion) dan suntikan ekuiti yang berterusan ke Malaysia (+RM4.4 bilion; S4 2020: +RM4.3 bilion). Aliran masuk ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Akaun pelaburan langsung luar negeri (direct investment abroad, DIA) mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM7.8 bilion pada suku pertama tahun 2021 (S4 2020: -RM5.2 bilion). Pelaburan ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan dan perlombongan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM0.4 bilion (S4 2020: -RM7.1 bilion), disebabkan oleh aliran masuk bersih pelaburan portfolio bukan pemastautin yang lebih tinggi (+RM14.6 bilion; S4 2020: +RM12.8 bilion) dan pelaburan pemastautin di luar negeri yang lebih rendah (-RM14.2 bilion; S4 2020: -RM19.9 bilion). Aliran masuk pelaburan portfolio bukan pemastautin bersih yang lebih tinggi mencerminkan aliran masuk yang lebih besar ke dalam sekuriti hutang domestik (+RM16.9 bilion; S4 2020: +RM14.1 bilion), terutamanya bon Kerajaan. Aliran masuk ini lebih daripada mengimbangi penjualan sekuriti ekuiti dalam negeri yang lebih tinggi (-RM2.3 bilion; S4 2020: -RM1.3 bilion). Pelaburan portfolio pemastautin luar negeri yang lebih sederhana didorong oleh pemerolehan sekuriti ekuiti yang lebih rendah oleh pelabur institusi.

Akaun pelaburan lain beralih arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM13.9 bilion (S4 2020: -RM3.7 bilion). Aliran masuk ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi oleh sistem perbankan domestik. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM10.9 bilion pada suku pertama, atau -2.2% daripada jumlah perdagangan.

R17 Perubahan dalam Hutang Luar Negeri



¹ Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
² Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1,039.7 bilion, atau 73.2% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2021 (akhir Disember 2020: RM958.1 bilion atau 67.6% daripada KDNK). Penambahan ini mencerminkan terutamanya peminjaman antara bank yang lebih tinggi dan kesan penilaian kadar pertukaran susulan ringgit yang lebih lemah berbanding dengan mata wang asing utama dan serantau terpilih pada tempoh itu. Pemegangan sekuriti hutang domestik Kerajaan oleh bukan pemastautin juga meningkat. Peningkatan ini sebahagian besarnya mengimbangi bayaran balik bersih bon dan nota, pinjaman dan pinjaman antara kumpulan pada suku pertama tahun 2021.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus memandangkan profil mata wang dan profil tempoh matangnya yang menggalakkan. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM348.9 bilion dan mencakupi 33.6% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir Disember 2020: 33.9%). Sebahagian besar daripadanya adalah dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 67.8% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan deposit dalam denominasi ringgit (bahagian sebanyak 17.1%) dalam institusi perbankan pemastautin. Liabiliti ini tidak terjejas akibat turun naik kadar pertukaran ringgit.

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency,* FCY) mencakupi baki RM690.8 bilion, atau 66.4% daripada jumlah hutang luar negeri. Sebanyak 48.2% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY melibatkan sektor korporat, dan tertakluk terutamanya pada keperluan berhemat dan lindung nilai. Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM173.8 bilion dan mencakupi 25.2% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Hutang ini dipegang terutamanya oleh syarikat bukan kewangan dan disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara kumpulan yang mencakupi 13.8% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY lazimnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 38.7% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Peminjaman antara bank yang meningkat pada suku pertama tahun 2021 sebahagian besarnya didorong oleh transaksi antara kumpulan yang lebih tinggi oleh institusi perbankan di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Sebahagian daripada peminjaman ini seterusnya disalurkan kepada pelanggan bukan

R18 Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



¹ Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pemastautin, mencerminkan transaksi *out-out* mereka, dengan baki peminjaman digunakan terutamanya untuk membiayai aktiviti pemberian pinjaman dan pelaburan tempatan. Risiko berhubung dengan dedahan ini dinilai sebagai rendah berikutan sifatnya 'secara satu per satu', iaitu jumlah, tempoh matang dan mata wang pembiayaan yang diterima daripada entiti yang berkaitan lazimnya berpadanan dengan transaksi yang dilakukan dengan benefisiari akhir pembiayaan itu. Peminjaman antara bank bagi kumpulan perbankan domestik juga mencatatkan peningkatan bersih, mencerminkan terutamanya amalan pengurusan mudah tunai berpusat mereka. Secara keseluruhan, tiga perempat daripada peminjaman antara bank adalah berbentuk peminjaman antara kumpulan daripada pihak berkaitan di luar negara, yang lazimnya lebih stabil, lantas mengehadkan risiko pelanjutan *(roll-over risk)* yang dihadapi oleh institusi perbankan. Sementara itu, risiko mata wang asing, seperti yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY[5], kekal rendah pada 4.6% daripada jumlah modal bank (akhir Disember 2020: 5.3%).

Dari segi tempoh matang, sebanyak 58.4% daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir Disember: 61.7%), menunjukkan risiko pelanjutan yang rendah. Penambahan peminjaman antara bank mengakibatkan hutang luar negeri jangka pendek yang lebih tinggi, yang mencakupi 41.6% daripada hutang luar negeri (akhir Disember 2020: 38.4%). Yang ketara, sebanyak 76.3% daripada peminjaman antara bank merupakan peminjaman antara kumpulan (40.2% daripada hutang luar negeri jangka pendek), yang lazimnya stabil dan pada kadar konsesi. Kira-kira 12.5% lagi merupakan kredit perdagangan, yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport dan terbiaya sendiri. Pada 30 April 2021, rizab antarabangsa berjumlah USD110.8 bilion, yang memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh, dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab bukanlah satu-satunya cara untuk institusi perbankan dan syarikat memenuhi obligasi luaran mereka. Langkah liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif telah menghasilkan desentralisasi rizab yang lebih besar. Khususnya, institusi perbankan dan syarikat memegang tiga perempat daripada jumlah aset luaran Malaysia (pada akhir Mac 2021: RM1.6 trilion). Aset luaran ini boleh dikeluarkan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri institusi perbankan dan syarikat (RM785.1 bilion), tanpa memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Jumlah rizab antarabangsa yang mencukupi ini bersama-sama dengan tersedianya mata wang asing dan aset luaran yang besar milik institusi perbankan dan syarikat, serta kadar pertukaran yang fleksibel, akan terus menjadi penampan yang penting dalam menghadapi sebarang kejutan luaran.

[5] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau panjang bagi semua mata wang merentas industri perbankan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Sorotan

- Pasaran bon dan ekuiti mencatatkan penurunan, manakala kadar pertukaran mata wang menyusut nilai.
- Kadar faedah nominal secara amnya kekal stabil pada suku pertama.
- Pembiayaan bersih terus berkembang pada suku pertama.

Pasaran kewangan domestik terjejas akibat faktor luaran dan dalam negeri

Pada suku pertama tahun 2021, keadaan dalam pasaran kewangan domestik telah terjejas akibat perkembangan luaran dan dalam negeri. Dari segi perkembangan luaran, kenaikan kadar hasil Perbendaharaan AS jangka panjang pada suku itu telah mendorong aliran portfolio antarabangsa, yang menyebabkan berlakunya pelarasan harga aset kewangan pada peringkat global.

R19 Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

Peningkatan yang mendadak dalam kadar hasil Perbendaharaan AS ini, yang didorong terutamanya oleh jangkaan inflasi yang lebih tinggi susulan jangkaan pemulihan ekonomi yang lebih cepat di AS, telah menyebabkan kadar hasil bon kerajaan semakin mencuram di pasaran negara maju dan negara sedang pesat membangun. Selain itu, prospek ekonomi AS yang bertambah baik dan kadar hasil perbendaharaannya yang lebih tinggi telah menyokong aktiviti mengimbangi semula pelaburan portfolio terhadap aset-aset kewangan AS dan menyumbang kepada pengukuhan dolar AS. Akibatnya, mata wang serantau secara keseluruhannya menjadi lemah berbanding dengan dolar AS, termasuk ringgit.

Kesannya, kadar hasil bon domestik meningkat seiring dengan pergerakan kadar hasil pasaran serantau dan sekuriti Perbendaharaan AS. Khususnya, kadar hasil MGS 10 tahun meningkat ke paras tertinggi pada pertengahan bulan Mac sebelum menurun menjelang akhir bulan tersebut sementara volatiliti dalam kadar hasil Perbendaharaan AS semakin reda. Pasaran bon domestik selanjutnya disokong oleh berita positif mengenai kedudukan Malaysia yang terus kekal dalam FTSE World Government Bond Index (WGBI). Secara keseluruhan, pasaran bon kerajaan terus mencatatkan aliran masuk apabila pemegangan bukan pemastautin meningkat kepada 25.0% daripada jumlah bon kerajaan terkumpul (S4 2020: 24.2%). Pada suku itu, kadar hasil MGS untuk tempoh 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 24.4, 54.1 dan 61.9 mata asas, sementara ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 3.5%, sejajar dengan pergerakan mata wang serantau.

R20 Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penurunan pasaran ekuiti domestik disebabkan terutamanya oleh perkembangan berhubung dengan kes-kes COVID-19, serta pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan dalam negeri, yang telah menimbulkan kebimbangan terhadap prospek perolehan korporat. Pada akhir bulan Mac, FBM KLCI menurun sebanyak 3.3% untuk ditutup pada 1,573.5 mata (akhir bulan Disember: 1,627.2 mata).

R21 Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

R22 Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Consensus Economics

Kadar faedah nominal secara amnya kekal stabil pada suku pertama

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit stabil sepanjang suku pertama. Kadar tanda aras 3 bulan KLIBOR tidak berubah pada 1.94% (S4 2020: 1.94%), sementara dalam pasaran runcit, kadar asas (*base rate*, BR) purata berwajaran juga tidak berubah pada 2.43% (S4 2020: 2.43%). Secara lebih luas, kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun kepada 3.93% (S4 2020: 3.99%) berikutan matangnya pinjaman berkadar tetap yang mempunyai kadar yang lebih tinggi.

Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal juga stabil pada suku itu, bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan. Namun begitu, kadar FD benar[7] 3 bulan dan 12 bulan berubah menjadi negatif, berikutan jangkaan inflasi yang lebih tinggi. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas daripada inflasi yang rendah dan negatif pada tahun lepas.

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan keseluruhan sistem bagi memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank meningkat sebanyak RM7.2 bilion, mencerminkan aliran masuk bersih pada suku pertama. Pada peringkat institusi, hampir semua bank mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank pada akhir bulan Mac 2021.

R23 Mudah Tunai Ringgit yang Ditempatkan di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)

RM bilion



Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Pengukuran inflasi dalam pengiraan kadar deposit benar telah dikemas kini dengan menggunakan jangkaan inflasi purata (berdasarkan data daripada Consensus Economics) bagi tempoh 12 bulan yang akan datang, dan bukannya menggunakan data inflasi keseluruhan serentak. Pengukuran ini bertujuan untuk mencerminkan jangkaan inflasi, yang merupakan penunjuk yang lebih relevan dalam membuat keputusan untuk menyimpan. Pengukuran ini dianggarkan melalui kadar purata unjuran bagi tahun kalendar semasa dan bagi tahun kalendar yang berikutnya, dengan wajaran diberikan mengikut bahagian mereka dalam tempoh unjuran 12 bulan ke hadapan. Kaedah pengukuran ini sebanding dengan penggunaan unjuran berdasarkan tempoh tetap seperti yang terdapat dalam penulisan akademik, termasuk oleh Dovern et al. (2012) dan Siklos (2013).

Pertumbuhan pembiayaan bersih berterusan pada suku pertama

Pada suku pertama tahun 2021, pembiayaan bersih berkembang sebanyak 4.7% pada asas tahunan (S4 2020: 4.4%), disumbangkan oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul[8] yang lebih tinggi (4.3%, S4 2020: 3.7%), sementara pertumbuhan bon korporat terkumpul[9] menjadi sederhana sedikit pada suku itu (5.9%; S4 2020: 6.5%).

Tahap pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman perniagaan kekal melebihi tahap purata sebelum ini, disebabkan terutamanya oleh pinjaman untuk tujuan modal kerja[10] (Pengeluaran: RM195.9 bilion, purata suku tahunan 2017-19: RM158.7 bilion; Pembayaran balik pinjaman: RM187.7 bilion, purata suku tahunan 2017-19: RM157.8 bilion). Sementara itu, jumlah permintaan untuk pinjaman perniagaan menjadi sederhana sedikit (RM73.9 bilion, S4 2020: RM77.5 bilion) sementara kadar kelulusan kekal stabil secara relatif pada suku tersebut.

Bagi segmen isi rumah, pinjaman terkumpul mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 6.0% (S4 2020: 5.4%) disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran yang melebihi pembayaran balik pinjaman. Pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman dan kereta penumpang terus menjadi pemacu utama pertumbuhan pinjaman isi rumah (sumbangan kepada pertumbuhan: 5.5 mata peratusan). Di samping itu, terdapat permintaan untuk pinjaman isi rumah yang berterusan (RM139.8 bilion; purata suku tahunan 2017-19: RM119.2 bilion), berikutan persekitaran dasar monetari yang akomodatif dan pelbagai langkah rangsangan.

Rujukan

Dovern, J., Fritsche, U., & Slacalek, J. (2012). "Disagreement Among Forecasters in G7 Countries," The Review of Economics and Statistics. MIT Press, vol. 94(4), halaman 1081-1096.

Siklos, Pierre L. (2013). "Sources of disagreement in inflation forecasts: An international empirical investigation," Journal of International Economics. Elsevier, vol. 90(1s), halaman 218-231.

R24 **Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih**

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[9] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[10] Klasifikasi pinjaman perniagaan berdasarkan tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75% semasa mesyuarat MPC pada bulan Januari dan Mac 2021, serta pada mesyuaratnya yang diadakan pada bulan Mei 2021 baru-baru ini.
- MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

OPR kekal akomodatif

Pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) pada bulan Januari dan Mac 2021 serta bulan Mei 2021 baru-baru ini, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 1.75%.

MPC menilai bahawa pemulihan ekonomi global terus kukuh terutamanya di ekonomi utama, disokong oleh peningkatan dalam aktiviti perkilangan dan perdagangan, meskipun pada kadar yang mungkin berbeza-beza antara negara. Program pemberian vaksin yang sedang dilaksanakan dan langkah-langkah rangsangan fiskal yang besar di Amerika Syarikat serta sokongan dasar di ekonomi utama lain akan terus membantu menambah baik keadaan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, trajektori pemulihan di beberapa negara mungkin terganggu oleh langkah-langkah pembendungan yang diperketatkan kembali bagi mengekang penularan semula COVID-19. Volatiliti dalam pasaran kewangan baru-baru ini telah reda sedikit dan keadaan kewangan terus menyokong pertumbuhan. Imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan, disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian berhubung dengan perkembangan pandemik dan potensi risiko volatiliti pasaran kewangan yang ketara.

Bagi Malaysia, penunjuk terkini menunjukkan peningkatan kegiatan ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan pada suku pertama. Walaupun pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan di lokasi terpilih baru-baru ini akan menjejaskan kegiatan ekonomi dalam jangka pendek, kesannya akan kurang teruk memandangkan hampir semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi. Trajektori pertumbuhan

diunjurkan untuk meningkat, didorong oleh pemulihan yang lebih kukuh dalam permintaan global serta peningkatan perbelanjaan sektor awam dan swasta berikutan sokongan langkah-langkah dasar yang berterusan. Kemajuan program pemberian vaksin COVID-19 dalam negeri juga akan meningkatkan sentimen dan menyumbang ke arah pemulihan kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan ekonomi terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi rendah. Hal ini berpunca terutamanya daripada ketidakpastian yang berterusan mengenai perkembangan yang berkaitan dengan pandemik serta cabaran yang mungkin dihadapi yang boleh menjejaskan pemberian vaksin pada peringkat global dan dalam negeri.

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2021 diunjurkan lebih tinggi antara 2.5% hingga 4.0%, disebabkan terutamanya oleh faktor tolakan kos berikutan harga minyak dunia yang meningkat. Dari segi trakjektori, inflasi keseluruhan dijangka naik mendadak untuk sementara waktu pada suku kedua tahun 2021 disebabkan terutamanya oleh asas yang lebih rendah daripada harga bahan api runcit dalam negeri yang rendah pada suku yang sama tahun 2020. Walau bagaimanapun, keadaan ini adalah bersifat sementara kerana inflasi keseluruhan diunjurkan menjadi sederhana selepas itu apabila kesan asas ini luput. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka kekal rendah, berpurata antara 0.5% hingga 1.5% untuk tahun ini dalam keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Namun begitu, prospek ini bergantung pada perkembangan harga minyak dunia dan komoditi.

MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif. Berikutan keadaan pandemik yang tidak menentu, pendirian dasar monetari pada masa hadapan akan terus ditentukan oleh data dan maklumat baharu, serta kesannya kepada prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Sorotan dasar lain pada suku pertama 2021

Sorotan dasar	Butiran penting
Liberalisasi Dasar Pertukaran Asing	• Langkah-langkah liberalisasi Dasar Pertukaran Asing (Foreign Exchange Policy, FEP) bertujuan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) dan hab rantaian bekalan global serta memperluas akses pelabur global ke pasaran kewangan tempatan: 1. Pemansuhan peraturan penukaran eksport; 2. Pengeksport boleh menyelesaikan perdagangan domestik dalam mata wang asing dengan pemastautin lain yang beroperasi dalam rantaian bekalan global; 3. Pengeksport boleh melaksanakan pengaturan bersih (*net-off*) atau menghapus kira (*write-off*) perolehan eksport dengan obligasi mata wang asing yang dibenarkan; 4. Pengeksport dibenarkan untuk melanjutkan tempoh penerimaan perolehan eksport melebihi 6 bulan bagi sebab-sebab di luar kawalan pengeksport; 5. Syarikat korporat boleh melaksanakan lindung nilai derivatif bukan FX secara terus dengan pihak bukan pemastautin; dan 6. Bank bukan pemastautin boleh melaksanakan urus niaga swap kadar faedah (*interest rate swap*, IRS) ringgit tanpa komitmen asas dengan mana-mana bank tempatan atau pejabat luar negara yang dilantik (*appointed overseas office*, AOO). • Semua langkah di atas berkuat kuasa pada 15 April 2021 (kecuali Langkah No. 6 yang berkuat kuasa pada 15 Mac 2021).
Keputusan Syariah berhubung dengan Penggunaan Kadar Bebas Risiko sebagai Kadar Rujukan Alternatif bagi Kadar Tawaran Antara Bank London (LIBOR)	• Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia telah memutuskan bahawa penggunaan kadar bebas risiko (*risk-free rate*, RFR) sebagai kadar rujukan alternatif kepada LIBOR atau kadar rujukan sandaran bagi menggantikan LIBOR selepas penamatan LIBOR secara kekal dibenarkan. • Keputusan ini bertujuan memudahkan peralihan yang teratur kepada penggunaan RFR alternatif oleh institusi kewangan Islam selepas LIBOR ditamatkan. • Keputusan ini berkuat kuasa mulai 22 Mac 2021.
Dokumen Dasar berhubung dengan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR)	• Sejak 16 Mei 2020, institusi perbankan telah dibenarkan untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia untuk memenuhi pematuhan SRR secara keseluruhan. • Dokumen Dasar telah dikemas kini pada 16 Mac 2021 bagi mencerminkan lanjutan fleksibiliti yang diberikan kepada institusi perbankan sehingga 31 Disember 2022.
Draf Dedahan tentang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Institusi Kewangan (Anti-Money Laundering, Countering Financing of Terrorism and Targeted Financial Sanctions for Financial Institutions, AML/CFT dan TFS untuk FI)(Dokumen Tambahan No.1) - Perniagaan Perkhidmatan Wang	• Draf Dedahan yang diterbitkan pada 15 Mac 2021 ini menetapkan langkah-langkah bagi memastikan langkah kawalan dan sistem Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan yang berkesan dilaksanakan bagi melindungi keselamatan dan integriti perniagaan perkhidmatan wang. • Draf Dedahan ini menggariskan cadangan keperluan minimum dan standard yang perlu dipatuhi oleh penyedia pengiriman wang dan pengurup wang semasa melaksanakan proses pengesahan secara tidak bersemuka apabila membenarkan pelanggan korporat menjalankan perniagaan pengiriman wang dan perniagaan pengurupan wang. • Draf Dedahan ini diterbitkan untuk maklum balas sehingga 15 April 2021 dan keperluan-keperluan di bawah Draf Dedahan ini akan berkuat kuasa apabila dokumen akhir diterbitkan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Tinjauan Makroekonomi

Sorotan

- Pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada kadar yang tidak sekata pada tahun 2021.
- Ekonomi Malaysia juga dijangka pulih, namun pada kadar yang tidak sekata pada tahun 2021.
- Purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi pada tahun 2021, disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang meningkat.

Prospek ekonomi global yang lebih positif tetapi dengan arah yang berbeza-beza bagi tahun 2021

Dalam *World Economic Outlook* bulan April, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah membuat unjuran semula pertumbuhan global bagi tahun 2021 daripada 5.5% kepada 6.0%. Semakan dengan unjuran yang lebih tinggi ini didorong oleh langkah-langkah fiskal yang lebih besar di beberapa ekonomi utama serta kemajuan yang berterusan dalam pelaksanaan pemberian vaksin yang akan mendorong kepada usaha pelonggaran langkah-langkah pembendungan terutamanya pada separuh kedua tahun 2021.

Walau bagaimanapun, prospek antara ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun dijangka berbeza-beza, disebabkan terutamanya oleh perbezaan dalam kadar pemberian vaksin. Ekonomi maju dijangka pulih lebih awal, disebabkan oleh bekalan vaksin yang diperoleh adalah mencukupi untuk mencapai imuniti kelompok menjelang akhir tahun 2021, sekali gus menyokong penyambungan semula kegiatan ekonomi. Langkah-langkah fiskal tambahan dalam kalangan sesetengah ekonomi maju juga akan memberikan sokongan seterusnya kepada keadaan permintaan dalam negeri. Sementara itu, kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun mungkin akan pulih pada kadar yang lebih perlahan. Kadar pemberian vaksin yang lebih perlahan berbanding dengan ekonomi maju dijangka meningkatkan kemungkinan sesetengah langkah pembendungan dilaksanakan semula, lantas melemahkan pemulihan ekonomi.

Imbangan risiko kekal cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan, dengan kebimbangan terhadap pandemik terus menjadi risiko utama. Hal ini termasuk penularan semula kes COVID-19 pada peringkat global, keberkesanan vaksin yang lebih rendah berikutan mutasi virus, dan pelaksanaan pemberian vaksin yang lebih perlahan daripada jangkaan. Terdapat beberapa risiko untuk pertumbuhan menjadi lebih tinggi, seperti kemajuan pemberian vaksin yang lebih cepat daripada jangkaan dan lebih banyak rangsangan fiskal pada masa hadapan, terutamanya daripada ekonomi maju.

Ekonomi Malaysia berada pada landasan pemulihan yang disokong oleh permintaan luaran dan dalam negeri yang lebih baik

Meskipun pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan telah dikuatkuasakan, kesan terhadap pertumbuhan akan kurang teruk berbanding dengan tahun 2020 berikutan hampir semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi. Secara keseluruhan, pemulihan pertumbuhan akan memperoleh manfaat daripada permintaan global yang lebih baik, perbelanjaan sektor awam dan swasta yang meningkat dan sokongan dasar yang berterusan. Hal ini juga mencerminkan pemulihan keadaan pasaran pekerja, terutamanya berikutan aktiviti pengambilan pekerja yang bertambah baik secara beransur-ansur. Pengeluaran yang lebih tinggi daripada fasiliti perkilangan yang sedia ada dan baharu, terutamanya dalam sektor E&E dan subsektor berkaitan sumber, serta daripada loji pengeluaran minyak dan gas, akan memberikan dorongan selanjutnya kepada pertumbuhan. Pelaksanaan program pemberian vaksin COVID-19 dalam negeri juga akan meningkatkan sentimen dan menyumbang ke arah pemulihan kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan dijangka tidak sekata merentas sektor ekonomi.

Imbangan risiko terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan, berpunca terutamanya daripada ketidakpastian yang berterusan dalam perkembangan berkaitan dengan pandemik dan cabaran yang terus dihadapi yang boleh menjejaskan pelaksanaan pemberian vaksin pada peringkat global dan dalam negeri.

Purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi pada tahun 2021, disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang meningkat

Bagi keseluruhan tahun 2021, purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi iaitu antara 2.5% hingga 4.0%, disebabkan terutamanya oleh faktor tolakan kos berikutan harga minyak dunia yang meningkat. Selain itu, kadar inflasi keseluruhan yang meningkat ini juga sebahagian kecilnya disebabkan oleh luputnya kesan rebat tarif elektrik secara bertingkat yang dilaksanakan dari bulan April hingga Disember 2020.

Dari segi trajektori, inflasi keseluruhan dijangka naik mendadak untuk sementara waktu pada suku kedua tahun 2021. Hal ini disebabkan terutamanya oleh asas yang lebih rendah daripada harga bahan api runcit dalam negeri yang rendah[11] pada suku yang sama tahun 2020. Inflasi keseluruhan bagi bulan April dan Mei dijangka meningkat sekitar 6.5% hingga 7.0%. Walau bagaimanapun, keadaan ini bersifat sementara kerana inflasi keseluruhan dijangka kembali ke paras bawah 5.0% pada bulan Jun, dan sederhana selepas itu apabila kesan asas luput. Beberapa negara lain[12] juga menjangkakan fenomena yang sama dengan lonjakan inflasi berikutan harga tenaga yang lebih tinggi dan kesan asas tahunan yang berpunca daripada kadar inflasi yang rendah pada tempoh yang sama tahun lalu.

Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka kekal rendah dengan purata antara 0.5%

hingga 1.5% untuk tahun 2021 berikutan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi.

Walau bagaimanapun, prospek inflasi bergantung pada perkembangan harga minyak dan komoditi dunia. Dari segi risiko untuk inflasi menjadi lebih tinggi, kesan terhadap harga bahan api runcit dalam negeri yang berpunca daripada harga minyak dunia yang lebih tinggi akan dihadkan sebahagiannya oleh penetapan harga maksimum[13] yang berkuat kuasa pada bulan Februari 2021. Di samping itu, Skim Kawalan Harga Maksimum Musim Perayaan[14] yang dipertingkatkan akan membantu membendung kenaikan harga terutamanya bagi makanan segar, sekali gus mengekang inflasi makanan secara keseluruhan dalam jangka masa terdekat.

---

[11] Harga bahan api runcit dalam negeri purata untuk S2 2020 (RON 95): RM1.37/liter; Dari awal tahun hingga kini (sehingga 7 Mei 2021): RM1.99/liter.

[12] Negara-negara ini termasuk kawasan euro, United Kingdom, Thailand dan Filipina.

[13] Di bawah mekanisme harga baharu, harga maksimum untuk RON 95 dan Diesel masing-masing ditetapkan pada RM2.05/liter dan RM2.15/liter.

[14] Skim Kawalan Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri berkuat kuasa selama 30 hari mulai 21 April hingga 20 Mei 2021 (2020: 15 hari) dan akan dilaksanakan secara berfasa. Terdapat sejumlah 32 barangan yang tertakluk pada harga maksimum setakat 6 Mei 2021.

Halaman sengaja dikosongkan.

Tambahan

J1 KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2020 (%)	2020					2021
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)					
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.8	3.7	-18.8	-3.3	-4.5	-5.8	-1.0
Sektor swasta	75.2	4.9	-20.4	-4.0	-4.0	-6.0	-0.9
Penggunaan	*59.5*	*6.7*	*-18.5*	*-2.1*	*-3.5*	*-4.3*	*-1.5*
Pelaburan	*15.7*	*-1.1*	*-26.1*	*-10.8*	*-6.6*	*-11.9*	*1.3*
Sektor awam	18.6	-1.8	-11.1	0.1	-5.7	-4.7	-1.5
Penggunaan	*13.4*	*4.9*	*2.2*	*6.8*	*2.4*	*3.9*	*5.9*
Pelaburan	*5.2*	*-14.4*	*-40.1*	*-13.1*	*-20.4*	*-21.3*	*-18.6*
Eksport Bersih	6.5	-36.8	-37.9	19.2	10.0	-13.0	0.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*61.5*	*-7.2*	*-21.7*	*-4.9*	*-2.1*	*-8.9*	*11.9*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*55.0*	*-2.7*	*-19.7*	*-7.9*	*-3.3*	*-8.4*	*13.0*
KDNK Benar	**100.0**	**0.7**	**-17.2**	**-2.7**	**-3.4**	**-5.6**	**-0.5**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**-0.5**	**-16.1**	**17.3**	**-1.5**	**-**	**2.7**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

J2 KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2020 (%)	2020					2021
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)					
Perkhidmatan	57.7	3.1	-16.2	-4.0	-4.8	-5.5	-2.3
Perkilangan	22.9	1.4	-18.3	3.3	3.0	-2.6	6.6
Pertanian	7.4	-8.6	0.9	-0.3	-1.0	-2.2	0.4
Perlombongan	6.8	-2.9	-20.8	-7.8	-10.4	-10.6	-5.0
Pembinaan	4.0	-7.9	-44.5	-12.4	-13.9	-19.4	-10.4
KDNK Benar	**100.0**	**0.7**	**-17.2**	**-2.7**	**-3.4**	**-5.6**	**-0.5**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

J3 Imbangan Pembayaran[1]

	2020			2021
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	**8.8**	**18.6**	**60.0**	**12.3**
(% daripada KDNK)	2.4	4.9	4.2	3.3
Barangan	28.9	42.6	138.7	36.6
Perkhidmatan	-7.6	-14.0	-47.4	-15.0
Pendapatan primer	-7.2	-7.2	-28.6	-5.7
Pendapatan sekunder	-5.2	-2.7	-2.7	-3.6
Akaun Kewangan	**-13.2**	**-10.2**	**-76.2**	**16.0**
Pelaburan langsung	3.9	1.6	2.8	1.4
Aset	-1.0	-4.2	-15.2	-9.1
Liabiliti	4.9	5.8	18.0	10.5
Pelaburan portfolio	-41.4	-7.1	-48.2	0.4
Aset	-15.6	-19.9	-59.3	-14.2
Liabiliti	-25.8	12.8	11.1	14.6
Derivatif kewangan	2.5	-0.9	0.4	0.3
Pelaburan lain	21.8	-3.7	-31.1	13.9
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	-4.2	-11.0	-2.7	-10.9
Imbangan Keseluruhan	**-8.7**	**-2.6**	**-19.3**	**17.1**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

J4 Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2020		2021
	akhir Mac	akhir Dis	akhir Mac
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**976.2**	**958.1**	**1,039.7**
Bersamaan USD bilion	*223.3*	*235.5*	*247.9*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	163.4	172.7	174.8
Peminjaman antara bank[1]	224.1	182.1	227.8
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	133.7	128.3	129.4
Pinjaman[1]	79.9	76.5	77.0
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	187.0	220.1	236.4
Deposit bukan pemastautin	105.5	94.5	100.1
Lain-lain[2]	82.4	84.0	94.0
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	557.4	590.7	607.3
Jangka pendek	418.7	367.5	432.3
Denominasi mata wang			
Ringgit	294.5	324.7	348.9
Asing	681.6	633.4	690.8
Jumlah hutang / KDNK (%)	64.3	67.6	73.2
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	42.9	38.4	41.6
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.1	1.2	1.1[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 April 2021.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

J5 Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2020			2021	2020			2021
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan dalam tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah pembiayaan bersih	**25.5**	**24.0**	**113.5**	**33.6**	**4.7**	**4.4**	**4.4**	**4.7**
Terkumpul:								
Pinjaman[1,2]	13.1	7.6	70.6	24.4	3.8	3.7	3.7	4.3
Perusahaan perniagaan	8.3	-4.0	6.0	13.2	3.4	0.9	0.9	1.6
PKS[3]	2.4	1.0	26.7	3.9	-5.6	9.6	9.6	10.0
Bukan PKS	5.9	-5.0	-20.7	9.3	10.7	-5.2	-5.2	-4.3
Isi rumah	0.5	14.4	60.3	7.8	3.8	5.4	5.4	6.0
Bon korporat[4]	12.5	16.4	42.9	9.2	7.6	6.5	6.5	5.9

[1] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
[3] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan. Antara bulan Januari 2018 hingga bulan Disember 2019, jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS. Sebanyak RM38.3 bilion telah dikelaskan semula pada suku keempat 2019.
[4] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J6 Penunjuk Pinjaman

	2020			2021	2020			2021
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah								
Permohonan pinjaman[1]	197.1	224.3	823.8	220.9	1.4	-0.5	-6.2	12.1
Kelulusan pinjaman[1]	86.9	102.0	353.6	89.7	-4.4	-1.2	-13.8	3.3
Pengeluaran pinjaman[2]	315.4	331.4	1213.1	361.1	0.1	-1.0	-5.3	14.5
Bayaran balik pinjaman[2]	319.8	332.8	1194.0	355.6	-0.2	2.7	-6.4	11.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan[3]								
Permohonan pinjaman	92.4	82.8	355.2	81.1	9.6	-22.2	-11.6	-12.3
Kelulusan pinjaman	41.4	42.4	164.0	35.4	0.8	-14.6	-14.5	-14.4
Pengeluaran pinjaman	225.7	231.9	867.6	267.3	1.4	-2.0	-4.1	18.4
Bayaran balik pinjaman	220.2	238.2	869.2	258.4	-3.3	3.1	-4.3	17.4
PKS[4]								
Permohonan pinjaman	47.5	43.7	181.0	39.6	8.1	-14.3	-7.4	-16.6
Kelulusan pinjaman	14.1	17.8	61.9	15.1	-8.4	-0.6	-8.1	7.1
Pengeluaran pinjaman	63.5	73.3	256.8	77.6	-16.2	3.2	-13.2	22.3
Bayaran balik pinjaman	65.8	71.8	244.0	73.7	-14.3	-3.7	-19.3	12.0
Bukan PKS[3]								
Permohonan pinjaman	45.0	39.0	174.2	41.5	11.2	-29.5	-15.6	-7.7
Kelulusan pinjaman	27.3	24.6	102.0	20.3	6.3	-22.5	-18.0	-25.6
Pengeluaran pinjaman	162.3	158.7	610.8	189.7	10.5	-4.2	0.3	16.9
Bayaran balik pinjaman	154.3	166.4	625.1	184.7	2.3	6.3	3.3	19.7
Isi Rumah								
Permohonan pinjaman	104.6	141.6	468.6	139.8	-4.9	18.8	-1.7	33.6
Kelulusan pinjaman	45.5	59.6	189.6	54.3	-8.6	11.2	-13.3	19.4
Pengeluaran pinjaman	89.6	99.5	345.5	93.8	-3.0	1.3	-8.0	4.7
Bayaran balik pinjaman	99.6	94.6	324.9	97.1	7.4	1.8	-11.5	-2.5

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untuk tempoh enam bulan.
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
[4] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J7 Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

	2020				2021
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**S1[a]**
Pulangan atas ekuiti (%)	10.4	10.0	9.8	9.2	8.4
Pulangan atas aset (%)	1.2	1.2	1.1	1.1	1.0
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	12,696	10,060	13,516	13,725	14,186
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,583	2,308	2,851	3,144	3,168
Tolak: Kos operasi[1]	8,607	8,189	8,460	8,660	11,412
Keuntungan operasi kasar	6,672	4,178	7,906	8,209	5,942
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain[3]	2,763	2,401	3,275	5,864	1,594
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan[3]	3,908	1,777	4,631	2,346	4,347
Campur: Pendapatan lain	4,643	6,242	3,602	3,940	2,884
Untung sebelum cukai[3]	**8,552**	**8,019**	**8,233**	**6,285**	**7,231**
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)	-1.1	-0.3	-3.1	-3.8	-2.0
Pulangan atas aset (mata peratusan)	-0.12	-0.32	-0.33	-0.42	-0.2
Pendapatan faedah bersih	2.1	-16.2	6.4	4.7	11.7
Campur: Pendapatan berasaskan fi	1.3	-11.9	6.8	-2.7	22.7
Tolak: Kos operasi[1]	2.7	-2.8	-1.9	-5.3	32.6
Keuntungan operasi kasar	1.1	-32.7	17.2	14.0	-10.9
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain[3]	1,583.6	645.4	299.4	15,452.3[4]	-42.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan[3]	-39.3	-69.8	-21.8	-67.3	11.2
Campur: Pendapatan lain	82.2	13.4	-16.3	6.7	-37.9
Untung sebelum cukai[3]	**-4.8**	**-29.6**	**-19.5**	**-42.1**	**-15.4**

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[2] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).
[3] Sebahagiannya mencerminkan penghantaran semula oleh institusi kewangan berikutan pelarasan audit.
[4] Mencerminkan i) peningkatan yang ketara dalam peruntukan berjaga-jaga *(precautionary provisions)* yang dipegang oleh bank-bank berikutan prospek ekonomi yang terus tidak menentu; dan ii) kesan asas daripada kos kredit pada suku keempat tahun 2019 yang nyata lebih rendah disebabkan oleh tulis balik *(writebacks)* dan pemulihan pinjaman *(recoveries)* yang lebih tinggi. Nisbah pinjaman terjejas bersih (pinjaman terjejas selepas ditolak peruntukan) secara amnya kekal tidak berubah berbanding dengan tahun sebelumnya pada 1.0%, manakala nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman meningkat kepada 1.7% pada bulan Disember 2020 (Disember 2019: 1.2%). Sila rujuk Buletin Perangkaaan Bulanan BNM untuk butiran lanjut.

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J8 Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2020				2021
	S1	S2	S3	S4	S1[a]
	RM juta				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-11,617	16,360	8,022	9,328	-615
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	545	1,154	764	912	717
Nisbah tuntutan (%)	59	52	56	53	55
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-235.7	105.9	111.4	141.7	94.7
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	-23.8	70.4	-2.7	25.0	31.6
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	2.5	-9.5	-3.4	-5.6	-4.4

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J9 Kewangan Kerajaan Persekutuan[1]

	2020			2021[a]
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	45.3	77.0	225.1	49.5
Pertumbuhan tahunan (%)	*-28.9*	*10.2*	*-14.9*	*9.3*
Perbelanjaan mengurus	62.1	53.7	224.6	62.2
Pertumbuhan tahunan (%)	*4.5*	*-23.0*	*-14.7*	*0.2*
Akaun semasa	**-16.8**	**23.3**	**0.5**	**-12.7**
Perbelanjaan pembangunan bersih	10.8	20.2	50.1	15.3
Pertumbuhan tahunan (%)	*-4.4*	*3.2*	*-4.8*	*41.6*
Kumpulan Wang COVID-19[2]	0.5	10.4	38.0	9.1
Imbangan keseluruhan	**-28.1**	**-7.3**	**-87.6**	**-37.1**
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	73.4	84.3	312.7	86.6
Pertumbuhan tahunan (%)	*3.8*	*-5.7*	*-1.0*	*18.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	823.8	879.6	879.6	917.5
Hutang Dalam Negeri	631.3	649.8	649.8	671.9
Hutang Luar Negeri	192.5	229.8	229.8	245.6
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*167.2*	*206.1*	*206.1*	*222.2*
Peminjaman luar pesisir	*25.2*	*23.7*	*23.7*	*23.4*

a Awalan
Nota:
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[2] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia